



Since 1975

BINA PURI HOLDINGS BHD

NEWSPAPER CLIPPINGS

UTUSAN MALAYSIA

17th July 2010

Bursa tinggi secara menyeluruh

KUALA LUMPUR 16 Julai - Harga-harga saham di Bursa Malaysia ditutup tinggi secara menyeluruh, dengan aktiviti belian saham berharga rendah secara kecil-kecilan, apabila pelabur menyambut baik program rasionaisasi subsidi kerajaan, kata peniaga.

Pada akhir sesi petang, Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur (FBM KLCI) ditutup 2.57 mata atau 0.193 peratus lebih tinggi pada 1,336.65. Indeks utama yang dibuka 0.22 mata lebih rendah pada 1,333.86, mencatatkan paras tertinggi harian 1,336.65 mata dan paras terendah harian 1,332.68 mata.

Pada penutup, Indeks Perusahaan susut 4.45 mata kepada 2,655.03, Indeks Perladangan turun 9.88 mata kepada 6,289.5 namun Indeks Kewangan melonjak 51.931 mata kepada 12,100.61.

Indeks FBM Emas meningkat 29.02 mata kepada 9,048.43, Indeks FBM70 menokok 23.71 mata kepada 9,085.5 namun Indeks FBM Ace turun 1.71 mata kepada 3,764.61.

Kaunter untung mengatasi kaunter rugi sebanyak 476 berbanding 206 manakala 263 kaunter tidak berubah, 423 tidak diniagakan dan 28 yang lain digantung.

Jumlah dagangan meningkat kepada 793.61 juta saham bernilai RM1.196 bilion, berbanding 619.65 juta saham bernilai RM1.128 bilion.

Saham paling untung, Cycle & Carriage Bintang, melonjak 61 sen kepada RM7.10, Scomi Engineering menambah 36 sen kepada RM1.51 dan Bina Puri Holdings menokok 31 sen pada RM1.42. Saham aktif, Time Engineering menambah 4.5 sen kepada 45.5 sen, Time Dotcom menokok 2.5 sen kepada 54.5 sen dan Scomi Group meningkat dua sen kepada 41 sen. Kira-kira 11.987 juta saham diniagakan.

Jumlah dagangan di Pasaran Utama meningkat kepada 702.001 juta saham bernilai RM1.177 bilion, berbanding 576.92 juta saham bernilai RM1.121 bilion, yang direkodkan semalam.

Perolehan dagangan di Pasaran Ace meningkat kepada 30.809 juta saham bernilai RM4.143 juta, berbanding 20.992 juta unit bernilai RM2.764 juta pada Khamis. Waran melonjak kepada 54.518 juta saham bernilai RM10.01 juta berbanding 19.406 juta saham bernilai RM2.481 juta pada Khamis.

Barangan pengguna menyumbang sebanyak 54.761 juta saham yang diniagakan di Pasaran Utama, barangan industri 150.425 juta, pembinaan 52.487 juta, perdagangan dan perkhidmatan 238.968 juta, teknologi 26.52 juta, infrastruktur 39.658 juta, kewangan 37.977 juta, hotel 995,600, hartanah 63.654 juta, perladangan 17.989 juta, perlombongan 2,000, REIT 18.512 juta dan dana tertutup 53,300. - Bernama

For further information, please contact:

CIK SURATI SUJOR
Group Corporate Communication Department
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail: surati@binapuri.com.my

